



## SEMINAR KEARIFAN 3 KONVENTSYEN KEARIFAN NUSANTARA KE-3

# E-PROSIDING

## MEMARTABATKAN KEARIFAN MELAYU ISLAM NUSANTARA

17 OGOS 2021



**DISUNTING OLEH:**  
MUHAMMAD WIDUS SEMPO  
SHUMSUDIN YABI  
ABDULLOH SALAEH  
SYED NAJIHUDDIN SYED HASSAN  
NURUL ATHIRAH SYAMILA SULAIMAN

**E-PROSIDING**  
**KONVENTSYEN KEARIFAN NUSANTARA KE-3**  
**2021**

**KEARIFAN 3**

**KONVENTSYEN KEARIFAN NUSANTARA KE-3**

**MEMARTABATKAN KEARIFAN MELAYU ISLAM  
NUSANTARA**

17 OGOS 2021

Disunting Oleh:

Muhammad Widus Sempo

Shumsudin Yabi

Abdulloh Salaeh

Syed Najihuddin Syed Hassan

Nurul Athirah Syamila Sulaiman

Anjuran:

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah & Madrasah Ahmadiyah Islamiah,  
Narathiwat, Thailand

## E-PROSIDING KONVENTSYEN KEARIFAN NUSANTARA KE-3 (ARIF 2021)

Diterbitkan kali pertama pada tahun 2021 oleh:

Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. Email: [info.penerbitan@usim.edu.my](mailto:info.penerbitan@usim.edu.my) / [arif.fpqs@gmail.com](mailto:arif.fpqs@gmail.com)  
Website: [www.penerbit.usim.edu.my](http://www.penerbit.usim.edu.my) / <http://bit.ly/kearifan2021>  
Phone: +606-798 8226/6749

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Konvensyen Kearifan Nusantara ke-3 (ARIF 2021: Malaysia)

PROSIDING KERTAS KERJA: KONVENTSYEN KEARIFAN NUSANTARA KE-3 ARIF 2021: "MEMARTABATKAN KEARIFAN MELAYU ISLAM NUSANTARA" / Disunting oleh: Muhammad Widus Sempo, Shumsudin Yabi, Abdulloh Salaeh, Syed Najihuddin Syed Hassan, Nurul Athirah Syamila Sulaiman.

e-ISBN: 978-967-440-963-0

1. Mantiq dan Bahasa
  2. Falsafah & Akidah
  3. Perubatan
  4. Sains & Teknologi
  5. OKU
  6. Quran & Hadith
  7. Syariah
  8. Tasawuf
  9. Pendidikan
  10. Lain-lain yang berkaitan.
- I. Muhammad Widus Sempo  
II. Shumsudin Yabi  
III. Abdulloh Salaeh  
IV. Syed Najihuddin Syed Hassan  
V. Nurul Athirah Syamila Sulaiman

Copyright © Universiti Sains Islam Malaysia

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form, or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the publisher.

## DESIGNER & LAYOUT

Nurul Athirah Syamila Sulaiman

## ISI KANDUNGAN

### ISI KANDUNGAN

iv

### BAHASA MELAYU

01	<b>Penyakit Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Menelusuri Kearifan Tempatan</b>	1
	<i>Wan Norasyikin Wan Ismail</i>	
02	<b>Perspektif Mustafā Al-Sibā'ī Terhadap Orientalis Berdasarkan Kitab Al-Sunnah Wa-Makānatuhā Fī al-Tashrī' Al-Islāmī</b>	22
	<i>Zati Nazifah binti Abdul Rahim</i>	
03	<b>Penekanan Akidah Dalam Pentafsiran Surah al-Fatihah, Tafsir Nur al-Ihsan</b>	38
	<i>Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa</i>	
04	<b>Aplikasi Hukuman Ta'zir Di Era Kerajaan Islam Aceh : Kajian Manuskrip Hujjatul Balighah Karya Syeikh Jalaluddin Al-Asy.</b>	53
	<i>Ahmad Misbah Bin Muhamad Hilmi</i>	
05	<b>Aplikasi MyKamus Sebagai Pemudahcara Pembelajaran Asas Bahasa Isyarat</b>	70
	<i>Nurul Izzati Binti Mohd Zaki</i>	
06	<b>Rawatan Penagihan Dadah Melalui Terapi Psikospiritual Berasaskan Aspek Ibadah</b>	81
	<i>Maisarah Saidin, Abdulloh Salaeh, Mohd Zohdi Mohd Amin, Syed Najihuddin Syed Hassan, Adnan Mohamed Yusoff, Syed Mohammad Chaedar Syed Abdurrahman.</i>	
07	<b>Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia</b>	110
	<i>Nurul Asiah Fasehah Muhamad.</i>	
08	<b>Sejarah Perkembangan Undang-Undang Keluarga Islam dan Pusaka Di Selatan Thailand</b>	143

## Aplikasi MyKamus Sebagai Pemudahcara Pembelajaran Asas Bahasa Isyarat

Nurul Izzati Binti Mohd Zaki

Politeknik Banting Selangor, Persiaran Ilmu, Jln. Sultan Abd. Samad, 42700 Banting, Selangor.

izzatizaki9@gmail.com

### Abstrak

*myKAMUS merupakan sebuah aplikasi yang dibangunkan sebagai pemudahcara untuk mempelajari asas Bahasa Isyarat. Rata-rata masyarakat di Malaysia masih kurang pengetahuan terhadap penggunaan Bahasa Isyarat memandangkan kurangnya pendedahan dan perkongsian ilmu terhadapnya. Keterbatasan ini menyukarkan perkongsian maklumat, luahan rasa, idea serta menjelaskan perkhidmatan dikaunter kerana kurangnya kemahiran dikalangan pegawai atau tanpa kehadiran Jurubahasa Isyarat (JBI). Justeru, usaha membangunkan aplikasi myKAMUS dengan menerapkan penggunaan teknologi diharap mampu menyebarluas ilmu Bahasa Isyarat ini. Satu kajian tinjauan juga telah dilaksanakan dengan mensasarkan 30 orang pelajar Politeknik Banting Selangor sebagai sampel kajian untuk melihat sejauhmana keberkesanan aplikasi myKAMUS membantu dalam penguasaan asas Bahasa Isyarat. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar berpuashati dengan penggunaan Aplikasi myKAMUS serta bersedia dan berkeyakinan untuk berkongsi ilmu yang diperoleh daripada aplikasi ini.*

**Kata kunci:** myKAMUS, aplikasi, Bahasa Isyarat, keberkesanan.

### PENDAHULUAN

Bahasa Isyarat merupakan suatu bentuk komunikasi yang tidak menggunakan suara bagi golongan kurang upaya pendengaran sebaliknya hanya menggunakan pergerakantangan, badan dan bibir untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Keunikan Bahasa Isyarat dapat dilihat apabila

timbul bentuk atau simbol tangan yang memberi makna terhadap sesuatu keadaan (Loughran, 2013). Selain itu, bahasa badan dan ekspresi muka menjadi dayatarikan dan intonasi dalam penggunaan Bahasa Isyarat (Wlibur, 2013).

Komunikasi antara Orang Kurang Upaya (OKU) kategori kurang pendengaran dan pertuturan dengan golongan normal agak terbatas memandangkan penguasaan golongan normal terhadap Bahasa Isyarat ini sangat rendah. Situasi ini tidak seharusnya dipandang enteng supaya kebijakan golongan OKU ini tidak terabai. Sebagai masyarakat Malaysia yang majmuk, perkongsian maklumat, ilmu dan perasaan golongan ini perlu didengari dan dipertimbangkan demi kemaslahatan bersama. Pengabaian kepada golongan ini akan menyebabkan penerimaan ilmu atau maklumat terbantut seterusnya memberi kesan terhadap pencapaian akademik dan sahsiah diri di kalangan golongan OKU ini. Pembentukan masyarakat majmuk tidak mengira golongan amatlah penting demi mewujudkan negara yang bukan sahaja mementingkan kemajuan dan pembangunan negara malah mementingkantanggungjawab dan keprihatinan terhadap masyarakat.

Percambahan teknologi yang semakin pesat telah banyak membantu manusia untuk berkomunikasi dan berinteraksi tanpa mengira masa dan keadaan. Negara-negara di seluruh dunia semakin terhubung dan membuatkan segala-galanya hanya dihujung jari. Malaysia tidak terkecuali dalam merapatkan jurang digital bagi memperkuuh dan memperkasakan ekonomi dan kemajuan negara dengan meletakkan diri sebagai negara terawal memulakan perjalanan ke arah pelaksanaan teknologi 5G. Justeru, penyelidik terpanggil untuk menghasilkan sebuah aplikasi ringkas yang menarik, fleksibel dan mesra pengguna iaitu aplikasi myKAMUS.

Aplikasi myKAMUS merupakan sebuah alat perantara bagi golongan normal dengan golongan OKU kategori kurang pendengaran dan pertuturan. Ia bertindak sebagai alat pemudahcara bagi golongan normal untuk mempelajari Asas Bahasa Isyarat yang boleh digunakan untuk berkomunikasi dengan golongan OKU ini. Ciri-ciri menarik yang diterapkan dalam penghasilan myKAMUS dilihat mampu membantu golongan normal untuk mempelajari Asas Bahasa Isyarat dengan mudah dan cepat.

Berikut merupakan objektif kajian dilaksanakan:

- a) Memudahcara pembelajaran Asas Bahasa Isyarat bagi golongan normal
- b) Menyebarluas ilmu Bahasa Isyarat kepada umum
- c) Memupuk sikap bertanggungjawab terhadap golongan OKU kategori kurangpendengaran dan pertuturan
- d) Meningkatkan keyakinan diri untuk berbual dengan golongan OKU

kategori kurangpendengaran dan pertuturan

## TINJAUAN LITERATUR

Komunikasi merupakan agenda utama dalam setiap hubungan. Baik atau tidak, semuanya adalah bermula dari sebuah komunikasi. Ia merupakan proses penyampaian maklumat atau pesanan dari satu pihak kepada pihak yang lain. Masyarakat yang baik tidak akan terbentuk tanpa adanya komunikasi yang baik daripada kedua-dua pihak. Bayangkan sahaja sekiranya perkhidmatan di kaunter tanpa pengetahuan asas dalam Bahasa Isyarat antara golongan normal dan golongan OKU ini berlangsung tanpa kehadiran Jurubahasa Isyarat (JBI), apakah tujuan utama komunikasi ini akan tercapai? Apakah perasaan golonganOKU ini sekiranya kehendak mereka tidak difahami dan tidak dipedulikan?

Menurut Ding dan Martinez (2009), keperluan dalam menggunakan Bahasa Isyarat dilihat amat diperlukan kerana setiap info atau maklumat perlu disampaikan kepada OKU kategori kurang pendengaran. Masalah utama yang dihadapi oleh OKU kategori kurang pendengaran adalah berkomunikasi dengan orang lain kerana mereka tidak mempunyai akses kepada bahasa lisan dan bertulis (Norziha, Halimah & Azlina, 2010). Tidak mudah untuk golongan ini membaca dan menulis kembali dengan ayat yang tepat berdasarkan apa yang dilihat (Holmer, Heimann & Azlina, 2010).

Menurut Satiah Abdullah (2009), sejarah mencatatkan tentang kaedah Pendidikan orang-orang pekak bermula di negara Sepanyol sesudah penemuan dan penaklukan AmerikaTengah yang bermula pada penghujung abad ke-16. Sebuah buku yang bertajuk *The Reduction of Letters of The Art of Teaching the Mute to Speak* ditulis oleh Juan Martin Pablo Bonet (1579-1620) mengemukakan perkara-perkara seperti berikut:


- a) Kanak-kanak pekak seharusnya terlebih dahulu diajar abjad tangan
- b) Setiap orang yang hidup serumah dengan kanak-kanak pekak seharusnya belajar abjad tangan ini
- c) Kanak-kanak pekak seharusnya diajar membunyikan tiap-tiap huruf bermula dengan huruf-huruf vokal
- d) Kanak-kanak pekak hendaklah sesudah itu diajar tentang suku kata

dan kemudian kata

- e) Apabila kanak-kanak pekak sudah mempelajari beberapa perbendaharaan kata dengan caranya ini, ia hendaklah diajar berbahasa dengan cara memperkenalkan tatabahasa sistematik

## METODOLOGI KAJI

Kajian ini merupakan sebuah kajian tindakan yang mensasarkan 30 orang pelajar Politeknik Banting Selangor sebagai sampel kajian. Soal selidik melalui *google form* juga telah diedarkan dan dianalisa untuk melihat sejauhmana keberkesanan aplikasi myKAMUS membantu dalam penguasaan asas Bahasa Isyarat. Rajah 1 menunjukkan carta alir proses penghasilan aplikasi myKAMUS.



Rajah 1: Carta alir proses penghasilan aplikasi myKAMUS

Penghasilan aplikasi myKAMUS bermula dengan masalah yang dihadapi penyelidik semasa berurusan dengan golongan OKU kategori pendengaran. Komunikasi yang tidak difahami

menyukarkan penyelidik untuk memahami dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh individu tersebut.

Masalah yang dihadapi memberikan satu cabaran kepada penyelidik untuk melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap golongan ini. Justeru, penyelidik telah mendapat idea untuk menghasilkan aplikasi myKAMUS untuk mempelajari Asas Bahasa Isyarat dan mengajak lebih ramai pengguna untuk mempelajarinya demi kemaslahatan bersama.

Aplikasi myKAMUS dihasilkan sepenuhnya oleh penyelidik dengan bantuan beberapa orang pelajar untuk kepelbagaian gaya dan paparan. Aplikasi ini menggunakan *Power Point* sebagai tapak penghasilan seterusnya ia ditukar kepada bentuk *Hyper Text Markup Language* (HTML) dan akhirnya ditukar kepada bentuk aplikasi dengan menggunakan perisian *Android Package Kit* (APK).

Aplikasi ini telah digunakan dan disebarluas untuk kegunaan bersama. Pelaksanaan Kursus Asas Bahasa Isyarat Siri 1 dan 2 juga dilihat mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dimana peserta didedahkan dengan penggunaan aplikasi myKAMUS. Kursus ini melibatkan pelajar dan staf dari Politeknik Banting Selangor (PBS), Politeknik Nilai (PNS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Raub .

Satu soal selidik melalui *google form* telah diberikan kepada 30 orang pelajar Politeknik Banting Selangor yang telah mengikuti Kursus Asas Bahasa Isyarat. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan *Google Sheets* untuk melihat keberkesanannya penggunaan aplikasi myKAMUS sebagai pemudahcara pembelajaran Asas Bahasa Isyarat.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian diperoleh melalui analisis yang telah dibuat berdasarkan maklumbalas soal selidik kepada 30 orang pelajar Politeknik Banting Selangor yang dipilih sebagai sampel kajian. Skala Likert digunakan sebagai skala pengukuran dalam penghasilan soal selidik. Menurut Mohd Fadzli, Normah & Suhazren (2007), pemberian mata adalah seperti berikut:

### Jadual 1: Skala Likert

Skor	Interpretasi
------	--------------

---

<b>1</b>	Sangat tidak setuju (STS)
<b>2</b>	Tidak Setuju (TS)
<b>3</b>	Kurang Setuju (KS)
<b>4</b>	Setuju (S)
<b>5</b>	Sangat Setuju (SS)

Pengkaji menggunakan jadual interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) untuk menganalisis data yang diperoleh. Jadual interpretasi min adalah seperti berikut:

#### **Jadual 2: Interpretasi Skor Min**

---

Skor Min	Interpretasi Skor Min
<b>1.00 hingga 2.00</b>	Rendah
<b>2.01 hingga 3.00</b>	Sederhana Rendah
<b>3.01 hingga 4.00</b>	Sederhana Tinggi
<b>4.01 hingga 5.00</b>	Tinggi

Sumber: Nunnally dan Berstein

Rajah seterusnya menunjukkan dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis yang telah dihasilkan.

#### **Jadual 3 : Taburan sampel kajian mengikut min dan interpretasi min daripada aspek teknikal**

---

Bil	Item	Min	Interpretasi

		Min
<b>1</b>	Rekabentuk Aplikasi myKAMUS adalah menarik	4.6
<b>2</b>	Aplikasi myKAMUS dapat berfungsi dengan baik	4.47
<b>3</b>	Aplikasi myKAMUS mempunyai latar suara yang jelas	4.87
<b>4</b>	Aplikasi myKAMUS mempunyai peralihan paparanyang lancar	4.8
<b>5</b>	Aplikasi myKAMUS sangat fleksibel dan tidakmemerlukan capaian internet	4.83
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4.71</b>
		<b>Tinggi</b>

**Jadual 4 : Taburan sampel kajian mengikut min dan interpretasi min daripada aspek kandungan bahan**

Bil	Item	Min	Interpretasi Min
<b>6</b>	Kandungan Aplikasi myKAMUS memadai untuk sayamemahami Asas Bahasa Isyarat dengan baik	4.9	Tinggi
<b>7</b>	Kandungan Aplikasi myKAMUS mudah difahami dandipelajari	4.87	Tinggi
<b>8</b>	Kandungan Aplikasi myKAMUS ringkas dan padat	4.9	Tinggi
<b>9</b>	Kandungan Aplikasi myKAMUS sangat relevan	4.67	Tinggi
<b>10</b>	Aplikasi myKAMUS menepati citarasa saya sebagai pengguna	4.77	Tinggi

<b>11</b>	Aplikasi myKAMUS sangat membantu saya untuk mempelajari Asas Bahasa Isyarat	4.83	Tinggi
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4.82</b>	<b>Tinggi</b>

**Jadual 5 : Taburan sampel kajian mengikut min dan interpretasi min daripada aspek kebolehpasaran**

Bil	Item	Min	Interpretasi Min
<b>12</b>	Aplikasi myKAMUS sangat mesra pengguna	4.87	Tinggi
<b>13</b>	Penggunaan Aplikasi myKAMUS wajarnya diperluaskan	4.87	Tinggi
<b>14</b>	Semua orang perlu memiliki Aplikasi myKAMUS	4.8	Tinggi
<b>15</b>	Saya bersedia dan berkeyakinan untuk berkongsi ilmu yang diperoleh melalui Aplikasi myKAMUS	4.03	Tinggi
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4.64</b>	<b>Tinggi</b>

Terdapat beberapa aspek yang telah diuji untuk melihat keberkesanannya aplikasi myKAMUS sebagai pemudahcara dalam pembelajaran Asas Bahasa Isyarat. Aspek-aspek tersebut adalah:

- i. Teknikal
- ii. Kandungan Bahan
- iii. Kebolehpasaran

Aspek teknikal melibatkan rekabentuk, keberfungsian dan fleksibiliti bagi aplikasi myKAMUS. Aspek ini diambil kira kerana ia merupakan faktor penting untuk menarik minat pengguna untuk memiliki aplikasi myKAMUS. Aspek kandungan bahan pula merupakan fokus utama dalam pembinaan aplikasi myKAMUS. Pemilihan kandungan bahan terdiri daripada pembelajaran berkaitan huruf, nombor, orang, kata ganti diri, kata tanya, ucapan selamat, asas perbualan dan lagu. Aspek kebolehpasaran juga dinilai untuk melihat sejauhmana keberkesanannya aplikasi myKAMUS dapat diterima dan diperluas ke peringkat global.

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian yang diperoleh melalui soal selidik yang telah dilaksanakan. Dapatan ini menunjukkan interpretasi min bagi setiap item adalah tinggi dengan nilai min tertinggi 4.87 bagi item ke-3 manakala nilai min terendah adalah sebanyak

4.47 bagi item ke-2. Rata-rata sampel kajian memberikan reaksi yang positif dan berpuashati terhadap aplikasi myKAMUS dari segi teknikalnya. Sifat aplikasi myKAMUS yang fleksibel dan tidak memerlukan capaian internet untuk diakses sangat memudahkan pengguna untuk mempelajari Asas Bahasa Isyarat dimana sahaja mereka berada.

Seterusnya, Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian bagi aspek kandungan bahan. Nilai min tertinggi adalah pada item ke-6 dan ke-7 iaitu sebanyak 4.9 manakala nilai terendah bagi aspek ini adalah sebanyak 4.67 bagi item ke-9. Berdasarkan interpretasi min yang diperoleh iaitu sebanyak 4.82 menunjukkan bahawa majoriti sampel kajian sangat berpuas hati dengan kandungan bahan dalam aplikasi myKAMUS. Elemen muzik diterapkan dalam kandungan bahan supaya dapat menarik minat pengguna disamping mengaplikasi pembelajaran yang telah dipelajari melalui aplikasi myKAMUS ini.

Merujuk Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa item ke-12 dan ke-13 memiliki markah min tertinggi iaitu sebanyak 4.87 manakala item ke-15 menunjukkan markah min terendah iaitu sebanyak 4.03. Aspek kebolehpasaran ini memperoleh interpretasi min keseluruhan sebanyak 4.64 dan berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi myKAMUS mampu diperluas ke peringkat yang lebih tinggi untuk kemaslahatan bersama.

## KESIMPULAN

Secara holistiknya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan aplikasi myKAMUS sebagai pemudahcara dalam pembelajaran Asas Bahasa Isyarat adalah sangat berkesan. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih meluas tentang keberkesanan aplikasi ini perlu dilaksanakan untuk tujuan penambahbaikan. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin dan bertanggungjawab, kita perlu bersama-sama membantu golongan kurang upaya ini untuk berkomunikasi dan menyampaikan idea, maklumat serta luahan perasaan mereka.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, komunikasi bukan hanya memerlukan kata-kata suara, isyarat sahaja, tetapi juga memerlukan alat-alat dan bahan agar pengajaran menjadi lebih berkesan dan sampai mesejnya apabila ada sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar . Justeru, langkah penghasilan aplikasi myKAMUS sebagai sebuah alat pemudahcara dalam pembelajaran Asas Bahasa Isyarat diharap dapat membantu golongan normal dalam penguasaan Asas Bahasa Isyarat dan cakna terhadap golongan kurang upaya ini.

## RUJUKAN

- Abdullah, Satiah. (2009). *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu untuk murid-murid pekak*. Master thesis, Universiti Malaya.
- Ding,L & Martinez, A.M. (2009). *Modelling and recognition of the linguistic components in american sign language*. Image and vision computing, 27(12), 1826-1844.
- Holmer, E., Heimann, M., & Rudner, M. (2016). *Evidence of an association between sign language phonological awareness and word reading in deaf and hard-of-hearing children*. Research in Developmental Disabilities 48: 145-159.
- Loughran, S. (2013). *Cultural Identity, Deafness and Sign Language: A postcolonial approach*. LUX: A Journal of Transdisiciplinary Writing and Research form Claremont Graduate University. 2(1): 1-8.
- Mohd Fadzli Ali, Normah Binti Salleh & Juhazren Junaidi. (2007). *Mengkaji Hubungan diantara Pembelajaran Koperatif (Kemahiran Generik) Dengan Kemahiran Menggunakan e-Pembelajaran Dikalangan Pelajar Yang Mengambil Subjek*


*Telekomunikasi dan Rangkaian di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai, Johor. Dalam 1st International Malaysian Educational Technology Convention.*

Norziha, M. M. Z., Halimah, B. Z., & Azlina, A. (2010). *Developing Augmented Reality Book for Deaf in Science: The Determining Factors*. In Proceedings of the International Symposium on Information Technology, Kuala Lumpur, Malaysia.

Nunnally. J.C. & Bernstein. I.H. (1994). *Pychhometric Theory (3rd ed)*. New York: McGraw-Hill.

Wilbur, R.B. (2013). *Changing How we think about sign language, gesture and agreement*. Sign Language and Linguistic, 16(2): 221-258.

e ISBN 978-967-440-963-0



**ISBN:**

**FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, USIM, MALAYSIA &  
MADRASAH AHMADIAH ISLAMIAH, NARATHIWAT, THAILAND**